BINTULU PORT AUTHORITY (SARAWAK)

KENYATAAN TENDER

1. Tender adalah dipelawa kepada kontraktor yang berdaftar dengan **Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding (UPKJ)** di bawah kategori **Bekalan** dan **Perkhidmatan** yang berkaitan seperti di bawah serta mempunyai tempoh pendaftaran yang sah bagi perkhidmatan berikut:-

Nombor dan Tajuk Tender	Pendaftaran	Yuran Dokumen (RM)	Jenis Tawaran	Tarikh Tutup Pengambilan/Penjualan Dokumen Tender	Tarikh Tutup Dan Masa Penyerahan Dokumen Tender
No. Tender: BPA(S)/2026/T01 Tajuk Tender: **Tender For The Rental Service of Six (6) Official Vehicles For Bintulu Port Authority (Sarawak)**	Kelas : **A atau B** Kepala : **VII (Charter Services & Other Services)** Sub-Kepala: **2(a)(iii) (Land Transport – Transportation Services)**	RM50.00	Terbuka	Bermula **16 November 2026 sehingga 27 November 2026** bertempat di **Seksyen Kewangan, Aras 9, Menara Kidurong, KM 12, Jalan Tanjung Kidurong 97007 Bintulu**	**30 November 2026 (Isnin) Jam 12.00 tengahari**

2. Dokumen Tender hanya akan dijual kepada pemilik atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pemilik / Rakan Kongsi / Pengarah Syarikat. Pemilik atau wakilnya hendaklah mengemukakan **SIJIL ASAL UNIT PENDAFTARAN KONTRAKTOR DAN JURUPERUNDING (UPKJ), SIJIL ASAL PENGIKTIRAFAN STATUS BUMIPUTERA** (jika berkenaan) dan **SURAT PERWAKILAN KUASA** (jika berkenaan) berserta salinan sebelum dokumen Tender dijual kepada Pembekal / Kontraktor yang layak.

3. Bayaran bagi Dokumen Pelawaan Tender hendaklah dibuat dalam bentuk draf bank daripada bank yang berlesen dan beroperasi di Malaysia atau kiriman wang pos (money order) atau wang kiriman pos berpalang (postal order) atau electronic fund transfer (EFT) atau pembayaran atas talian melalui platform pembayaran seperti FPX dan dibayar atas nama **BINTULU PORT AUTHORITY (SARAWAK).** Sila hubungi Urus Setia Perolehan di talian **086-232815 / 086-232817** untuk mendapatkan maklumat pembayaran.

4. Contoh Dokumen Tender boleh disemak dan Dokumen Tender boleh diperolehi di Seksyen Perolehan, Aras 9, Menara Kidurong, Jalan Tanjung Kidurong, 97007 Bintulu mulai pada 16 November 2026 hingga 27 November 2026 pada waktu-waktu seperti berikut:-

Hari	**Waktu**
Isnin – Khamis	8.00 pagi – 1.00 petang 2.00 petang – 4.00 petang
Jumaat	8.00 pagi – 11.45 pagi 2.15 petang – 4.00 petang

5. Dokumen Tender hendaklah dimasukkan sendiri oleh Pemilik / Wakil Syarikat / Firma ke dalam Peti Tawaran dengan menggunakan sampul berlakri serta mempunyai catatan **Nombor** dan T**ajuk Tender.** Dokumen Tender hendaklah diserahkan selewat- lewatnya jam 12.00 tengahari pada tarikh tutup tender di alamat seperti di bawah:-

Pengerusi Jawatankuasa Tender
Bintulu Port Authority (Sarawak)
Aras Lobi,5,8,9 & 10, Menara Kidurong
Jalan Tanjung Kidurong,
97007 Bintulu, Sarawak

6. Dokumen Tender yang diterima selepas tarikh dan masa tutup tidak akan dipertimbangkan.

7. **Bintulu Port Authority (Sarawak)** tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran tersebut.

Pengurus Besar
Bintulu Port Authority (Sarawak)